

08 JUN 1998

Mahathir-Cuti

MAJLIS TERTINGGI UMNO SAMBUNG CUTI MAT TAIB

KUALA LUMPUR, 8 Jun (Bernama) -- Majlis Tertinggi Umno malam ini membuat keputusan menyambung cuti Naib Presiden parti Tan Sri Muhammad Haji Muhamad Taib dan menerima peletakan jawatan anggota exco Negeri Sembilan Waad Mansor daripada jawatan itu.

Keputusan terhadap bekas Menteri Besar Selangor itu diumumkan oleh Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi di sini.

Dr Mahathir berkata cuti Muhammad kekal sehingga mahkamah membuat keputusan berhubung kes kegagalan Muhammad mengisytiharkan semua hartanya mengikut Akta Pencegahan Rasuah.

Muhammad akan didakwa di Mahkamah Sesyen di sini Rabu ini berkaitan kegagalan mengisytiharkan semua hartanya mengikut Akta Pencegahan Rasuah.

Peguam Negara Tan Sri Mohtar Abdullah berkata hari ini Muhammad didakwa mengikut Seksyen 25(2) Akta Pencegahan Rasuah 1961.

Dr Mahathir berkata: "kita membuat keputusan bahawa dia belum boleh kembali bertugas sebagai naib presiden umno, dengan itu juga kita dapat maklumat malam ini bahawa dia akan didakwa di mahkamah."

"Dengan itu dia belum boleh mula tugas sebagai naib presiden sehingga mahkamah buat keputusan," kata Perdana Menteri ketika ditanya sampai bila Muhammad diberi sambung cuti daripada jawatan itu.

Dr Mahathir juga mengesahkan telah menerima surat pengisytiharan harta Muhammad termasuk harta beliau di luar negara.

"Dia datang pagi tadi dan menyerahkan pengisytiharan harta beliau kepada saya," katanya.

Ketika ditanya adakah beliau melihat kandungan surat pengisytiharan harta itu sebaik sahaja diserahkan kepada beliau, Dr Mahathir berkata: "Saya terlalu sibuk, jadi saya tidak menatapnya dengan teliti."

Apabila ditanya adakah dakwaan terbaru terhadap Muhammad itu dan yang telah dihadapi kerana kegagalan mengisytiharkan mata wang berjumlah A\$1.2 juta di Australia (walaupun telah dibebaskan daripada dakwaan itu) menjejaskan imej parti, Dr Mahathir berkata: "Saya tidak tahu sama ada ia menjejaskan atau tidak, kita juga mengambil pendirian dan jika mana-mana anggota parti melakukan sesuatu yang menghendaki tindakan diambil ke atasnya, kita tidak akan menghalang.

"Sejarah UMNO menunjukkan bahawa beberapa orang menteri besar dari Umno telah dihadapkan ke mahkamah, tindakan diambil, kita tidak menuduh orang yang salah tetapi kalau orang itu tidak bersalah, kita akan mempertahankannya."

Ketika ditanya sama ada ini senario kes paling buruk bagi Muhammad, Dr Mahathir berkata: " Bukan bagi saya untuk meramalkannya."

Semasa ditanya sama ada parti terkejut dengan jumlah harta begitu banyak yang dimiliki Muhammad di Australia dan New Zealand, Dr Mahathir berkata: "Terkejut?, setiap seorang daripada kita mempunyai pandangan peribadi masing-masing, tiada resolusi yang menyatakan parti pada umumnya terkejut."

Pada 29 Mei lepas, Muhammad dibebaskan oleh Mahkamah Daerah Brisbane, Australia daripada tuduhan membuat perisytiharan palsu mengenai wang yang dibawanya semasa memasuki Australia pada 16 Dis 1996 serta gagal mengisytiharkan mengenai mata wang asing lebih A\$1.26 juta (RM2.9 juta) ketika mahu berlepas ke New Zealand enam hari kemudian.

Mengenai peletakan jawatan Waad, Timbalan Presiden Umno Datuk Seri

Anwar Ibrahim berkata Majlis Tertinggi turut menerima permohonan bercuti beliau (Waad) daripada bertugas sebagai ketua bahagian Tampin sehingga selesai kes mahkamah terhadap beliau.

Waad, 41, yang juga anggota Dewan Undangan Negeri kawasan Gemenceh, didakwa pada 27 Mei lepas atas lima tuduhan rasuah menggunakan kedudukan awamnya untuk faedah dirinya.

Anwar yang juga pengerusi Jawatankuasa Pengurusan dan Disiplin parti turut mengumumkan pemecatan 11 anggota di Sabah kerana menyertai Parti Bersekutu Sabah dan Parti Bersatu Sabah.

Mereka ialah Datuk Askalani Abdul Rahim, Datuk Dr Zulkipli Abdul Hamid, Lassim Abdul Rahman, Mohd Dini Khan, Mohd Topik Awang Ajak, Naim Haji Ahmad, Haji Ahmad Nunsu Okk Mahadi, Uda Sulai, Isnain Amat, Pengiran Othman Rauf, Manggo Arow @ Mangaro Orow.

Beliau turut mengumumkan bahawa anggota yang digantung keanggotaan ialah Mohd Nor Jaafar (Seremban), Ali Majid (Seremban), Syed Anwar Syed Ahmad (Gombak) dan Hajah Rohani Mohd Arif (Alor Gajah).

Beberapa anggota lain dilepaskan daripada penggantungan keahlian. Mereka ialah Syed Mansor Syed Salim, (Pokok Sena) Azhar Che Ya (Bacok), Shamsuddin Tahir (Pendang) dan Tajudin Abdul Rahman (Pasir Salak).

-- BERNAMA

ARA MAM FAZ